

Kertas Bil. 3/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI KEUPAYAAN,
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN
ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT
(NEGERI SELANGOR) 2011**

Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency-SELCAT), Dewan Negeri Selangor berkenaan "Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011."

1. PENDAHULUAN

- 1.1. SELCAT telah mengadakan pendengaran terbuka pada 27hb Januari 2015 bagi menyiasat keberkesanan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.
- 1.2. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana terdapat aduan daripada Y.B. ADN Bukit Gasing dan daripada Persatuan Lebuhraya DASH bahawa pelaksanaan Enakmen ini adalah lemah dari segi memberikan akses kepada dokumen di Negeri Selangor.
- 1.3. Oleh yang demikian, sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas yang dipertanggungjawabkan untuk memantau keupayaan, akauntabiliti dan ketelusan mana-mana agensi Kerajaan Negeri, SELCAT berpendapat ianya wajar untuk mengadakan pendengaran terbuka mengenai isu ini untuk mencari kebenaran, fakta dan memberikan kritikan membina dan cadangan-cadangan untuk memperbaiki kelemahan pelaksanaan Enakmen ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada tahun 2011, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 bertujuan untuk menaiktaraf sistem urustadbir pentadbiran untuk memberikan tahap ketelusan yang lebih tinggi.
- 2.2. Namun begitu, terdapat aduan daripada orang awam dan juga Ahli Dewan Negeri bahawa terdapat ketidakpatuhan terhadap Enakmen Kebebasan Maklumat tersebut dan didapati maklumat yang dipohon tidak diberikan atas alasan-alasan yang tidak jelas.
- 2.3. Siasatan awal yang dibuat secara tidak rasmi juga mendapati bahawa kurang pendedahan diberikan kepada kakitangan jabatan, badan dan agensi kerajaan didapati gagal memberikan maklumat mengenai prosedur di bawah Enakmen ini kepada orang awam.

3. AHLI JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
(ADN Subang Jaya)

- 3.2. Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Sekinchan)
- 3.3. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam
(ADN Seri Andalas)
- 3.4. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
(ADN Bangi)
- 3.5. Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADN Taman Medan)
- 3.6. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Hulu Kelang)
- 3.7. Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak S.M.S., P.P.N.
(ADN Permatang)

4. PENDENGARAN TERBUKA SELCAT BERTARIKH 27HB JANUARI 2015

- 4.1. Saksi-saksi/pegawai yang hadir.
 - a. Oleh kerana jumlah saksi-saksi dan pegawai-pegawai yang hadir adalah tersangat ramai, maka keterangan mereka dipecahkan kepada 3 kumpulan dan didengari mengikut kumpulan.
 - b. Seramai 41 orang Pegawai Maklumat berserta pembantu Pegawai Maklumat Jabatan masing-masing telah hadir, berserta wakil dari SUK, Badan Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

5. KETERANGAN KUMPULAN PERTAMA

- 5.1. Komposisi kumpulan Pertama:
 - a. Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Y.B. SUK)
 - b. YBhg. Datin Wan Rabiah binti Wan Mohd Yusof Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)
 - c. Pn. Noor Asdiana binti Abd Kadir Setiausaha Bahagian (Korporat)
- 5.2. Y.B. SUK menerangkan bahawa menurut Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011, seorang Pegawai Maklumat dilantik di setiap Jabatan Kerajaan berjumlah 41 orang. Nama-nama Pegawai Maklumat yang dilantik tersebut akan diwartakan di dalam Warta. Pegawai yang dilantik tidak boleh mempunyai gred rendah daripada Gred 41.

- 5.3. Latihan juga akan diberikan kepada Pegawai Maklumat yang baru dilantik oleh Kamar Penasihat Undang-Undang yang lebih kepada pemahaman peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Kebebasan Maklumat tersebut. Kursus dibuat minimum 2 kali setahun dan setakat ini 3 latihan telah dibuat dengan jumlah kos RM4,362.00. Menurut Y.B. SUK, latihan ini mencukupi kerana peranan seorang Pegawai Maklumat adalah kecil iaitu menerima permohonan, memproses dokumen dan menyebarkan maklumat. Isu ketidakpatuhan tempoh masa pemrosesan bukannya isu besar.
- 5.4. Namun begitu, terdapat kadar penukaran pegawai yang tinggi dan dengan ini Kerajaan Negeri harus mengkaji proses pelantikan dan pewartaan semua Pegawai Maklumat. Semasa penukaran Pegawai Maklumat, taklimat ringkas diberikan tetapi terdapat kelemahan dalam prosedur penyerahan tugas antara Pegawai Maklumat lama yang ditukarkan kepada Pegawai Maklumat yang baru dilantik. Beliau mengakui kakitangan kumpulan sokongan dan penyambut tetamu tidak mengetahui mengenai prosedur di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat.
- 5.5. Dokumen diberikan klasifikasi berperingkat. Rahsia Besar misalnya perkara-perkara yang boleh memudaratkan keselamatan Negara, polis dan sebagainya. Rahsia adalah keputusan atau cabutan mesyuarat MMKN. Terhad, orang yang terlibat sahaja yang mempunyai akses. Sulit adalah dokumen yang memerlukan kebenaran Ketua Jabatan. Maklumat yang perlu diklasifikasikan semula adalah Rahsia Besar dan Rahsia. Ahli Dewan Negeri hanya mempunyai akses setakat Terhad dan Sulit.
- 5.6. Dari segi makluman kepada orang awam, Kerajaan Negeri ada membuat risalah yang diedarkan kepada Pegawai Maklumat dan orang ramai. Pegawai Maklumat telah dibekalkan dengan penerangan dan bertanggungjawab untuk menerangkan perkara ini kepada kakitangan kumpulan sokongan mereka.
- 5.7. Kerajaan Negeri belum membuat apa-apa jerayawara (roadshow) tetapi ada maklumat yang disebarkan melalui surat khabar dan sebagainya selain daripada akses portal ruang informasi. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat ini dengan lebih baik.
- 5.8. Y.B. SUK mengatakan bahawa ahli MMKN yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat adalah Y.B. ADN Bukit Lanjan, dan beliau mempunyai program kesedaran sendiri.
- 5.9. Y.B. SUK mengatakan secara keseluruhan sejak pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat dalam 163 permohonan untuk akses kepada maklumat yang dibuat setakat ini, hanya 5 permohonan yang ditolak kerana antaranya

memerlukan kelulusan Menteri Besar. Bagaimanapun pada masa kini tidak ada prosedur untuk memaklumkan kepada pemohon apabila permohonan mereka ditukar kepada jabatan lain atau memerlukan masa lebih daripada 30 hari. Kebenaran dari pihak ketiga biasanya diminta oleh Jabatan dan beliau mengakui terdapat kelemahan dari segi pematuhan tempoh 30 hari tersebut.

5.10. Antara Permohonan isu besar yang telah diproses oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri:

Permohonan	Status	Alasan-Alasan
Dokumen Mengenai Kelulusan Projek DASH (Damansara/Shah Alam Highway)	Sudah diluluskan secara sah dan jabatan berkenaan telah menghantar surat kepada pejabat Menteri Besar kerana memerlukan kelulusan beliau.	Menteri Besar belum memberikan jawapan sama ada kelulusan sudah diberikan.
Projek Hulu Langat II (Memorandum Persefahaman Air)	Kelulusan pengubahan status Perjanjian Air antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan memerlukan persetujuan Menteri Besar Selangor, Syarikat-Syarikat berkaitan dan Kerajaan Persekutuan sebagai pihak ketiga sebelum dokumen tersebut boleh diberikan kepada orang awam sepertimana Seksyen 14(2) Enakmen tersebut. Permohonan ini kemudian ditolak.	Ditolak kerana tidak mendapat kebenaran pihak ketiga (Kerajaan Persekutuan) untuk mengubah status Rahsia Memorandum Persefahaman tersebut walaupun diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
Dokumen berkaitan kelulusan Cadangan Projek KIDEX (Kinrara Damansara Expressway)	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan maklumat kepada Pemohon. Permohonan ini diluluskan.	Cabutan keputusan MMKN telah diberikan kepada pemohon tetapi pemohon tidak berpuas hati dengan dokumen yang telah diberikan.

- 5.11. Setakat ini tidak terdapat sebarang jawatankuasa yang memantau pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat ini.
- 5.12. Y.B. SUK mengakui bahawa dari segi pelaksanaan Kerajaan Negeri memerlukan penambahbaikan kawalan dan pemantauan. Beliau juga mengatakan bahawa kos untuk melantik kesemua Pegawai Maklumat setakat ini adalah RM246,000.00. Hasil yang dikutip dari permohonan hanyalah RM2,223.00.
- 5.13. Menurut Seksyen 22 Enakmen ini, Laporan Tahunan hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Y.B. SUK mengakui bahawa Laporan Tahunan berkaitan dengan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat tidak pernah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.

6. KETERANGAN KUMPULAN KEDUA

6.1. Komposisi kumpulan Kedua (Pegawai Maklumat):

- a. Puan Norliza Binti Yusof
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
- b. Encik Syawal Bin Samin
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
- c. Puan Azurah Binti Zainal Arrifin
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
- d. Puan Saidatina Rosmaniza Binti Saidina Othman
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
- e. Encik Mohd Farish Bin Noorshah
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
- f. Puan Zainab Binti Abdul Aziz
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
- g. Puan Rusidah Binti Jamil
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
- h. Encik Mohd Nafizi Bin Ramli
Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling
- i. Puan Nor Azlina Binti Busu
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak
- j. Puan Nazma Shafini Binti Marlizan
Pejabat Daerah Dan Tanah Klang
- k. Puan Latifah Binti Darus
Pejabat Daerah Dan Tanah Klang
- l. Encik Mohd Yasin Bin Alwi
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat
- m. Encik Mohd Asraf Bin Redzuan
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat

- n. Puan Satiyah Binti Ahamad
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat
- o. Puan Siti Hasmah Binti Rahman
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat
- p. Puan Siti Noorliza Binti Md. Salleh
Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang
- q. Encik Rosli Bin Abd. Hamid
Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang
- r. Encik Ahmad Mahzan Bin Bohari
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor
- s. Encik Mohd Asraf Bin Redzuan
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor
- t. Puan Hasniza Binti Abdul Aziz
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor
- u. Encik Mohd Fareez Bin Mohd Ariss@Mohd Hatta
Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor
- v. Encik Jasman Syazry Bin Mohd Saari
Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam

6.2. Pelantikan dan pewartaan Pegawai Maklumat

- a. Kebanyakan Pegawai Maklumat sudah memulakan tugas tanpa pewartaan di mana kertas permohonan untuk diwartakan sudah dihantar kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tetapi masih belum diproses. Mereka juga masih belum menerima sebarang elaun. Pembantu Pegawai Maklumat tidak diberikan elaun walaupun melaksanakan tugas yang sama.
- b. Pegawai Maklumat bersetuju bahawa mereka memerlukan 2 Pegawai Maklumat untuk berfungsi terutamanya dalam jabatan yang besar untuk mengejar tempoh masa 30 hari.
- c. Wakil Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengatakan pelantikan Pegawai Maklumat adalah sesuai sekiranya pegawai berkenaan mempunyai latar belakang dari bidang pengurusan. Ini dipersetujui oleh wakil Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kerana pegawai tersebut akan bergerak seiring dengan Seksyen 2 Akta Rahsia Rasmi untuk mengenalpasti dokumen terperingkat.

6.3. Latihan untuk Pegawai Maklumat

- a. Kesemua jumlah Pegawai Maklumat yang dilantik tanpa pewartaan belum menerima sebarang latihan. Segelintir kecil Pegawai Maklumat

yang telah diwartakan telah diberikan latihan sebelum nama mereka diwartakan.

- b. Pegawai Maklumat MPAJ mengesahkan bahawa terdapat latihan sebelum penguatkuasaan Enakmen Kebebasan Maklumat, tetapi tiada sebarang latihan yang berterusan. Ini dipersetujui oleh Pegawai Maklumat daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang mengatakan bahawa latihan, perkongsian pengalaman, kes dan senario serta pendedahan lanjutan tidak diberikan setelah tugas bermula.

6.4. Pemprosesan maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat

- a. Secara amnya, wakil rakyat boleh memohon sebarang maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat seperti orang awam.
- b. Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah, sekiranya maklumat yang dipohon melibatkan pihak ketiga, kecuali di mana pemohon telah mendapatkan kebenaran pihak ketiga tersebut, permohonan tersebut akan ditolak kerana dianggap penyalahgunaan Enakmen. Contoh dari MPAJ adalah permohonan pemaju untuk mendapatkan maklumat tanah yang mereka mahu beli.
- c. Masa pemprosesan dokumen biasanya tidak lebih 3 bulan bergantung kepada peringkat dokumen tersebut.
- d. Sekiranya dokumen yang diminta pemohon tiada di dalam rekod atau kawalan mereka, permohonan tersebut akan dipindahkan kepada jabatan lain. MPAJ misalnya mengatakan bahawa untuk satu permohonan yang mereka pindahkan kepada Ibu Pejabat Daerah (IPD) Ampang Jaya, untuk rakaman CCTV, pihak polis tidak melakukan sebarang tindakan susulan (follow up) atau semakan. Pemohon juga tidak dimaklumkan.
- e. Pegawai Maklumat Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat mengatakan bahawa sekiranya tidak pasti sama ada dokumen tersebut berperingkat, rujukan akan dibuat kepada Yang Di-Pertua untuk PBT sebagai pegawai pengelas menurut Akta Rahsia Rasmi. Untuk Pejabat Tanah, Pegawai Daerah (District Officer) akan dirujuk.

6.5. Makluman/Hebahan kepada Orang Awam

- a. Hampir keseluruhan Pegawai Maklumat yang hadir mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam sistem makluman/hebahan kepada orang awam mengenai proses akses kepada maklumat di bawah Enakmen

Kebebasan Maklumat.

- b. MPAJ menunjukkan kadar permohonan akses kepada maklumat yang tertinggi antara PBT. Kaedah yang MPAJ lakukan untuk memaklumkan kepada orang awam mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat adalah kepada tiga peringkat melalui Ketua Jabatan dan Pegawai Maklumat, pameran poster di kaunter utama, dan meletakkan borang di setiap kaunter.
- c. Pegawai Maklumat Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat mengatakan bahawa dari segi makluman mereka menggunakan hubungan bersama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Kampung (JKKK) dan ketua-ketua masyarakat. Beliau mengatakan bahawa minat berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat tidak terhad kepada penduduk bandar, penduduk luar bandar juga berminat selain firma guaman.
- d. Menurut Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, terdapat perbezaan antara akses kepada maklumat sebelum pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat dan selepas pelaksanaan Enakmen tersebut dari segi prosedur. Dahulu orang awam meminta terus di kaunter dan tidak dikenakan bayaran. Sekarang, walaupun melibatkan jenis maklumat yang sama tetapi menggunakan borang khas, permohonan yang masuk dan keluar direkodkan dan menjadi lebih sistematik.
- e. Secara am, tiada arahan daripada Kerajaan Negeri berkenaan taklimat/pemberitahuan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat. Laporan sepatutnya dihantar kepada Kerajaan Negeri setiap bulan, tetapi tidak diketahui oleh kebanyakan Pegawai Maklumat terutamanya yang masih belum menjalani latihan.

6.6. Proses Rayuan Kepada Badan Maklumat Negeri

- a. Badan Maklumat Negeri sebagai badan rayuan tidak diketahui oleh sebahagian Pegawai Maklumat kerana tidak diberitahu atau dilatih. Pegawai Maklumat MPSJ mengatakan bahawa ketika latihan diadakan tiada langsung kes yang pernah berlaku jadi tiada sebarang perkongsian. Selepas penguatkuasaan ada latihan tetapi pengisian kes sebenar tiada.

6.7. Masalah rekod dokumentasi

- a. Hanya segelintir PBT pernah mengalami masalah rekod dokumen, dan secara amnya kerjasama dalaman tidak mempunyai masalah. MPSJ mengatakan bahawa kadang-kala sesetengah permohonan sepanjang 2

mukasurat, jadi memerlukan penelitian lama sedikit. Setelah permohonan tersebut diteliti maka akan dibawa untuk dibincangkan bersama Ketua Jabatan dan Penasihat Undang-Undang sebelum diproses.

6.8. Akses oleh Orang Kelainan Upaya

- a. Sekiranya terdapat pemohon orang kelainan upaya, menurut garis panduan sepatutnya dibenarkan membuat permohonan secara lisan tetapi tidak pernah berlaku setakat ini.

7. KETERANGAN KUMPULAN KETIGA

7.1. Komposisi kumpulan Ketiga:

- a. Y.B ADN Bukit Lanjan
Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

7.2. Proses penggubalan dan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat

- a. Peranan sebagai ahli MMKN hanya dalam penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat pada penggal lepas. Selepas penggal baru bermula pada 2014, tanggungjawab beliau telah selesai selepas pewartaan Pegawai Maklumat.
- b. Ahli MMKN yang sepatutnya menyemak atau membuat susulan mengenai pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat di dalam mesyuarat MMKN selepas tahun 2013. Y.B. ADN Bukit Lanjan telah menimbulkan isu ini dari segi latihan dan membuat perancangan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada Foreign & Commonwealth Office of the United Kingdom (FCO) kerana di kalangan negara-negara Commonwealth, FCO yang terawal menggubal undang-undang yang sama dan mempunyai pengalaman yang luas.
- c. Mereka telah menawarkan perkhidmatan mereka dari segi pemahaman, pengalaman dan interpretasi undang-undang kerana Negeri Selangor adalah negeri pertama di Malaysia yang berani melaksanakan undang-undang ini. Itu perkara terakhir yang beliau bangkitkan di MMKN berkenaan Enakmen Kebebasan Maklumat.
- d. Pada tahun 2012, sebelum Pilihanraya ke-13, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan latihan oleh seorang pakar bernama Barry Proudfoot untuk datang ke Selangor untuk menjalankan latihan tersebut.

Malangnya DUN dibubarkan, dan tidak dapat dijalankan. Selepas MMKN ditubuhkan semula semasa mesyuarat MMKN, beliau dimaklumkan bahawa latihan tersebut boleh dijalankan secara pentadbiran, oleh Kamar Undang-Undang Negeri Selangor.

- e. Selepas 6 ahli MMKN dipecat tahun lalu, kesemua dokumen berkaitan Enakmen ini telah dipulangkan atau dimusnahkan. Namun begitu, pegawai bertanggungjawab untuk pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat yang telah diputuskan MMKN adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
 - f. Dari segi undang-undang pelaksanaan Enakmen ini hanya dapat berjalan selepas pewartaan Pegawai-Pegawai Maklumat, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan pada tahun 2013.
- 7.3. Pelaksanaan program atau rancangan makluman/hebahan kepada orang awam dan latihan untuk Pegawai Maklumat:
- a. MMKN tidak sempat menjalankan sebarang program berkaitan dengan Enakmen Kebebasan Maklumat tetapi terdapat perancangan.
 - b. Pada masa tersebut, perancangan dibuat untuk mengiklankan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat, hebahan nama Pegawai Maklumat, dan memberi taklimat atau pendedahan kepada orang awam tetapi malangnya tidak dapat dilaksanakan.
 - c. Sebarang pengiklanan, makluman atau hebahan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat tidak dapat dilakukan semasa tahun 2011 kerana tiada kaedah-kaedah, borang, fi, garis panduan prosedur (SOP) dan sebagainya lagi. Enakmen ini hanya dilaksanakan/dikuatkuasakan selepas kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan diluluskan oleh MMKN pada 2013. Kelewatan tempoh masa 1 tahun selepas pewartaan Enakmen ini adalah kerana peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah tersebut masih disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor (PUU). MMKN cuma memberikan peringatan mesra mengenai tarikh penyiapan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah tersebut kepada PUU. Tanggungjawab untuk menyiapkan dan menyerahkan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang lengkap kepada MMKN adalah pada Kamar PUU.
 - d. Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan telah diluluskan pada 4hb Julai 2012 dan berkuatkuasa pada 5hb Disember 2012. Ahli-Ahli Badan Maklumat Negeri telah dilantik pada 25hb Mac 2013.

7.4. Untuk Badan Maklumat Negeri sebagai medium rayuan permohonan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat, terdapat dua tahap pencalonan Ahli Badan Maklumat Negeri, pertama adalah dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan dua orang lagi dinamakan oleh Y.B. ADN Bukit Lanjan.

7.5. Tanggungjawab MMKN terhadap Enakmen Kebebasan Maklumat

- a. Pada pendapat Y.B. ADN Bukit Lanjan, walaupun tiada ahli MMKN yang bertanggungjawab, masih terdapat Badan Maklumat Negeri yang sepatutnya bebas daripada Kerajaan Negeri untuk membantu meneliti permohonan. Mereka seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif untuk mengimbangkan pentadbiran ini. MMKN hanya boleh memantau dari segi pelaksanaan sahaja.
- b. Beliau tidak pernah mendengar masalah-masalah yang ditimbulkan Pegawai Maklumat di tahap MMKN. Beliau bersetuju bahawa pembantu Pegawai Maklumat patut menerima elaun.
- c. Dari segi pengubahan status dokumen-dokumen, perkara ini bukan hanya dialami di Kerajaan Negeri Selangor tetapi juga di negara-negara lain. Di dalam apa-apa perjanjian memang ada satu klausa bahawa pengubahan status dokumen tersebut memerlukan persetujuan pelbagai pihak.
- d. Beliau berpendapat bahawa cara untuk menangani masalah ini adalah dengan memastikan setiap perjanjian yang ditandatangani Kerajaan Negeri Selangor perlu memasukkan klausa Enakmen Kebebasan Maklumat di mana sekiranya orang awam perlu mengetahui mengenai perkara ini, maka status perjanjian boleh diubah dan semua pihak memberikan kebenaran mereka.

8. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 8.1. Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat kelemahan penyelarasan antara pihak Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Maklumat dari segi pelaksanaan Enakmen ini secara keseluruhan. Jawatankuasa juga mendapati latihan tidak mencukupi dan kurang sesuai. Di samping itu, terdapat kekurangan dalam proses pelantikan Pegawai Maklumat di mana kebanyakannya bertugas tanpa sebarang latihan, tanpa elaun dan tidak diwartakan sehingga kini walaupun telah dipohon sejak April 2013.
- 8.2. Jawatankuasa mendapati Pegawai Maklumat tidak jelas mengenai tugas dan peranan masing-masing dan gagal menjalankan tugas mereka untuk menghebahkan proses di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat kepada

orang awam kerana tiada Pegawai Maklumat yang tetap disebabkan oleh pertukaran dan kenaikan pangkat.

- 8.3. Jawatankuasa juga mendapati bahawa terdapat masalah yang ketara dari segi komunikasi antara Pegawai Maklumat dan Ketua Jabatan dalam menepati keperluan permohonan apabila memerlukan penukaran kepada Jabatan lain. Jawatankuasa juga berpendapat sekiranya dokumen terperingkat yang memerlukan kebenaran Menteri Besar, jawapan atau maklum balas kepada pemohon harus diberikan oleh Pegawai Maklumat.
- 8.4. Jawatankuasa mendapati bahawa kekurangan permohonan berlaku di sesebuah jabatan adalah disebabkan oleh kekurangan penghebahan maklumat mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat oleh Jabatan tersebut.
- 8.5. Jawatankuasa mendapati bahawa walaupun elaun sejumlah RM246,000.00 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri, namun ini tidak mencapai matlamat yang diharapkan dan tidak menepati prinsip nilai untuk wang (*value for money*).
- 8.6. Pegawai Maklumat tidak mengetahui mengenai proses rayuan yang menyebabkan kurangnya tindakan diambil oleh pemohon.

9. SARANAN JAWATANKUASA

- 9.1. Seorang ahli MMKN hendaklah diberi tanggungjawab untuk menjaga portfolio Enakmen Kebebasan Maklumat untuk melaksanakan sebarang penambahbaikan terhadap sistem akses kepada maklumat di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat.
- 9.2. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempercepatkan proses pelantikan dan pewartaan Pegawai-Pegawai Maklumat sedia ada yang sudah mula bertugas sejak tahun 2013.
- 9.3. Latihan berkala untuk Penjawat Awam Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh termasuk kakitangan kumpulan sokongan supaya mereka boleh memaklumkan kepada pemohon setiap langkah-langkah dalam mendapatkan akses kepada maklumat di bawah Enakmen ini termasuk rayuan kepada Badan Maklumat Negeri.
- 9.4. Garis Panduan untuk penyerahan tugas antara Pegawai Maklumat baru dan lama hendaklah dibuat untuk menyelaraskan proses pemprosesan tugas tanpa sebarang masalah.

- 9.5. Latihan lanjutan sepertimana yang dicadangkan oleh Y.B. ADN Bukit Lanjan di mana pakar-pakar yang berpengalaman dalam pelaksanaan undang-undang Kebebasan Maklumat hendaklah dibawa masuk untuk melatih Pegawai-Pegawai Maklumat dan membantu menambahbaik sistem dan prosedur sedia ada.
- 9.6. Hebahan dan pendidikan mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat kepada pihak awam hendaklah diselaraskan oleh ahli MMKN, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan Jabatan-Jabatan supaya lebih teratur dan tersebar lebih luas memandangkan hanya sesetengah jabatan yang menunjukkan kesedaran umum dan permohonan yang tinggi, dan ini kerana mereka mengambil inisiatif sendiri untuk membuat hebahan tersebut.
- 9.7. Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat hendaklah ditambahbaik untuk mewajibkan supaya pada setiap peringkat dan tahap dalam proses mendapatkan akses maklumat di dalam permohonan, pemohon akan dimaklumkan supaya mereka tidak tertunggu-tunggu dan membawa persepsi kurang baik terhadap amalan kerja penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor.
- 9.8. Setiap perjanjian yang ditandatangani Kerajaan Negeri Selangor perlu memasukkan klausa Enakmen Kebebasan Maklumat di mana sekiranya terdapat kepentingan awam di mana orang awam perlu mengetahui mengenai perkara ini, maka status dokumen berperingkat perjanjian boleh diubah oleh MMKN untuk dimaklumkan kepada orang awam tanpa mendapatkan persetujuan pihak ketiga terlebih dahulu.
- 9.9. Jawatankuasa menegaskan bahawa Laporan Tahunan perlu dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 22 Enakmen ini.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh, Pengerusi Jawatankuasa SELCAT dan telah dibincangkan serta diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 6hb Mac 2015.

Disahkan oleh :



.....
Y.B. Puan Hannah Yeoh Iseow Suan

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kecekapan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency- SELCAT)

URUS SETIA:

- | | |
|--|---------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian |
| 2. En Mohd Khairul Ashraff bin Radzali | Ketua Penolong Setiausaha |
| 3. Encik Jurasmadi bin Pauzi | Penolong Setiausaha |
| 4. Cik Azira binti Aziz | Penyelidik Kanan |
| 5. Puan Siti Salina binti Muftar | Setiausaha Pejabat |